

# Kerajaan tidak aniaya orang luar bandar

Oleh Kadir Dikoh

BH - 9 NOV 2000

PUTRAJAYA, Rabu - Pelajar digesa tidak terpelembang dan mempercayai pelbagai tuduhan liar dilemparkan oleh parti pembangkang terhadap kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya mereka perlu tekun belajar di samping memupuk nilai murni seperti prihatin dan sensitif terhadap adat resam serta kebudayaan kaum lain di negara ini.

"Kita (kerajaan) tidak menganiaya orang (termasuk pelajar) luar bandar. Ini satu perasaan yang suka dibangkit sesetengah orang kononnya kerajaan bagi kemudahan pendidikan kepada orang kaya saja, orang miskin di luar bandar tak dapat apa.

"Dia nak bagi kita marah. Bila kita marah, kita tak boleh belajar. Dengan itu, kita tak pandai dan tak dapat pergi ke bandar, ke sekolah-sekolah bestari," katanya pada majlis soal jawab dengan pelajar pada

disegani pada masa depan, Dr Mahathir berkata, mereka mesti ada tiga perkara iaitu disiplin, tekun dan sanggup menuntut ilmu sebaik mungkin.

"Disiplin penting iaitu kita harus mengawal nafsu dan jangan menghabiskan masa melakukan kerja yang tidak berhasil. Kita juga mesti tekun belajar kerana tanpa ilmu kita sukar menghadapi cabaran globalisasi," katanya.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, pelajar harus menerapkan sifat prihatin dan sensitif terhadap kaum lain.

Katanya, ini bagi memas-

**Perdana Menteri gesa pelajar abaikan tuduhan pembangkang terhadap kerajaan sebaliknya mereka perlu tekun belajar di samping memupuk nilai murni iaitu prihatin dan sensitif terhadap adat resam serta kebudayaan kaum lain.**

Program Cinta Negara Bersama Perdana Menteri di Sekolah Menengah Bestari Putrajaya, di sini, hari ini.

Kira-kira 500 pelajar dari Kelab Komunikasi sekolah dari seluruh Semenanjung menghadiri program empat hari anjuran Jabatan Penerangan itu.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dan Ketua Pengerah Jabatan Penerangan, Datuk Abas Salleh.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kekurangan

keamanan dan pembangunan dinikmati pelbagai kaum dapat dipertahan dan mengelak ketegangan serta rusuhan antara kaum.

"Walaupun berlainan sekolah kita perlulah mencari peluang untuk berkumpul. Semua harus sensitif terhadap rakan-rakan lain...Melayu sensitif adat resam Cina dan India dan sebaliknya," katanya.

Beliau berkata, pelajar harus belajar mengekalkan keamanan negara dari peringkat sekolah dan hidup bersama dengan kaum lain kerana jika berlaku kacau-bilau dan huru-hara

kemudahan di sekolah luar bandar disebabkan peruntukan terhad.

Katanya, bilangan pelajar juga lebih tinggi di bandar dan kerajaan perlu memastikan majoriti pelajar mendapat manfaat daripada segala kemudahan disediakan.

"Kita ada 8,000 sekolah tetapi kita tak boleh tukar semua jadi sekolah bestari. Kita mula dengan 90 dulu dan harap di satu masa nanti, semua sekolah akan menjadi sekolah bestari," katanya.

Menjawab satu lagi pertanyaan mengenai ciri yang perlu ada pada remaja untuk menjadi pemimpin

mustahil negara dapat dibangunkan.

Katanya, keamanan terus wujud di negara ini kerana rakyat sensitif terhadap kaum lain dan tidak membuat sesuatu yang menyinggung perasaan rakan mereka daripada bangsa lain.

Dr Mahathir juga berkata, guru bertanggungjawab menyemaikan nilai murni di kalangan pelajar supaya menjadi warga negara dan bakal pemimpin yang bijaksana.

"Sebab itulah, hampir 30 peratus daripada hampir satu juta kakitangan kerajaan terdiri daripada guru. Kerajaan membelanjakan

satu pertiga wang negara untuk pendidikan supaya pelajar dibekalkan ilmu," katanya.

Dr Mahathir berkata, pelajar juga perlu sedar pentingnya menanam perasaan cintakan negara kerana di sinilah mereka dilahir, dibesarkan dan akan menghabiskan hayat mereka.

"Apabila cinta dan sayang pada negara, ia akan terpelihara dan terselamat serta elok untuk diwarisi. Kita negara pelbagai kaum, kita bertanggungjawab menjaga, memelihara, membaiki dan membangunkan negara kita," katanya.